

APA ITU TAKAFUL?

'Takaful' ertinya suatu perikaraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta Takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama, yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada beneficiariesnya, pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

Takaful adalah berasaskan prinsip **Ta'awun (kerjasama/pertolongan bersama)** di mana penglibatan penyertaannya adalah **Tabarru'at (keabajikan)**.

Apabila seseorang terlibat dalam skim Takaful, dia bukan sahaja mendapat perlindungan untuk dirinya, malah **bekejasama dengan peserta-peserta lain** untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.

Terdapat 3 aspek yang terangkum dalam Takaful:

Pertolongan Bersama | Perlindungan Bersama daripada Kerugian | Tanggungjawab Bersama

Pengendali Takaful

Menguruskan pelan-pelan Takaful dan dana-dana

Baki sumbangan sebagai **Tabarru'**

Caj **Wakalah**

Dana **Pelaburan & Simpanan Peserta**

Bayar manfaat mengikut kontrak sijil dan pengagihan lebihan (jika ada) yang dikongsi sama rata antara Peserta dan Pengendali Takaful

Dana **Tabarru'**

(Tabung sumbangan yang dimiliki secara kolektif oleh para Peserta)

Pemegang Sijil (Peserta)

Bayar sumbangan tetap

JENIS-JENIS PELAN TAKAFUL KELUARGA

Pelan Bukan Berkaitan Pelaburan

Perlindungan akibat kematian atau kehilangan upaya kekal dan menyeluruh

- Peserta tidak boleh memilih dana pelaburan
- Pengendali Takaful mengurus dana pelaburan
- Risiko pelaburan ditanggung oleh Peserta

Perlindungan Tambahan/ Rider

- **Manfaat Kemalangan, Penyakit Kritikal, Perubahan dan Kesihatan, Penyumbang**
- Tidak wajib dan tertakluk kepada ketersediaan dan kelayakan pelan yang ditawarkan
- Sumbangan tambahan dan/atau **Tabarru'** akan dikenakan

Sumbangan

- Sumbangan (selepas penolakan **Caj Wakalah**) akan diperuntukkan ke **Dana Pelaburan & Simpanan Peserta**
- **Tabarru'** akan ditolak daripada dana berdasarkan manfaat/perindungan Takaful yang disertai oleh Peserta dan dimasukkan ke dalam **Dana Tabarru'**

Menyertai pelan Takaful adalah komitmen jangka panjang. Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

Pelan Berkaitan Pelaburan

Perlindungan akibat kematian atau kehilangan upaya kekal dan menyeluruh dan menawarkan lebih fleksibiliti dalam pelan untuk potensi pulangan pelaburan

- Peserta boleh memilih dana berkaitan pelaburan pilihan berdasarkan tahap penerimaan risiko
- Pengubahan dana, pengeluaran separa dan penambahan boleh dilakukan
- Risiko pelaburan ditanggung oleh Peserta

- Sumbangan (selepas penolakan **Caj Wakalah**) akan digunakan untuk dilaburkan di dalam unit **dana pelaburan**
- **Tabarru'** akan ditolak daripada unit-unit berdasarkan manfaat/perindungan Takaful yang disertai oleh Peserta dan dimasukkan ke dalam **Dana Tabarru'**

Ilustrasi ini hanya menyediakan pengetahuan umum tentang bagaimana Takaful berfungsi. Butiran mekanisme adalah berbeza bagi setiap pelan Takaful. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada ilustrasi produk dan dokumen sijil.

Sekarang anda sudah mengetahui dan memahami sedikit sebanyak tentang asas Takaful Keluarga, tiba masanya untuk memulakan keperluan perlindungan untuk diri anda dan yang tersayang!

Untuk membantu anda memilih pelan Takaful yang bersesuaian, sila layari www.prubsn.com.my atau hubungi Perunding Takaful PruBSN/Wakil Bank dengan menghubungi 03-20537188 atau e-mel ke customer@prubsn.com.my.